

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI
SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 untuk Negeri Sarawak.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memberikan perhatian bagi meningkatkan tahap pembangunan di seluruh negara bagi meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan semua rakyat, termasuk negeri Sarawak. Seperti mana Ahli Yang Berhormat semua maklum, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) yang telah dilancarkan pada 5 Oktober 2019 merupakan iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rangkaian bekalan.

2. Selaras dengan matlamat WKB untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia, fokus Kerajaan tertumpu kepada usaha untuk menangani jurang kekayaan dan pendapatan, merentasi wilayah Sarawak meliputi penduduk luar bandar dan bandar. Ini adalah penting supaya Sarawak terus membangun dan golongan penduduk yang ketinggalan dapat dibawa bersama dalam arus kemajuan negara, nasib mereka terbela dan ekonomi mereka diperkasakan. Penekanan Kerajaan ini juga selaras ke arah melaksanakan pembangunan secara lebih terangkum dan teragih memandangkan pembangunan pesat sekarang lebih tertumpu di Wilayah Tengah, meliputi WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, dan Selangor. Sebagai contoh, dalam WKB, Kerajaan mensasarkan nisbah pendapatan antara Wilayah Sarawak dan Wilayah Tengah dirapatkan daripada 1.3 kepada 1.2 menjelang 2030. Walaupun menangani jurang pendapatan mengambil masa, Kerajaan tetap komited untuk merapatkan jurang tersebut dalam masa 10 tahun yang akan datang. Di samping itu, Sarawak mencatatkan KDNK Per Kapita yang tinggi pada tahun 2019 iaitu RM53,230 melepasi KDNK Per Kapita nasional RM46,367.

NO. SOALAN : 16

3. Dalam melaksanakan strategi inklusif wilayah serta pembangunan seimbang dan saksama tersebut, aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (Key Economic Growth Activities – KEGA) telah dikenal pasti di Sarawak bagi memberi fokus kepada aktiviti ekonomi berdasarkan kekuatan dan keunikan yang ada dalam negeri Sarawak. Antara contoh fokus aktiviti ekonomi di Sarawak yang dikenal pasti dalam WKB adalah tenaga boleh diperbaharui.

4. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan telah diagih dengan keutamaan diberi kepada enam negeri yang kurang membangun termasuk Sabah dan Sarawak. Sarawak telah pun diperuntukkan sejumlah RM21.6 bilion iaitu 8.7% peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan RMKe-11 bagi melaksanakan projek baharu dan projek sambungan melalui pelbagai kementerian. Antara projek-projek pembangunan RMKe-11 telah siap sepenuhnya adalah seperti projek menaik taraf projek bekalan elektrik luar bandar sistem mikro hidro Long Banga, Ulu Baram, projek bekalan elektrik luar bandar (BELB) sambungan talian grid zon 2 dan zon 4, projek bekalan elektrik luar bandar (BELB) talian grid zon 3 serta projek bekalan elektrik luar bandar (BELB) sistem solar hibrid di pedalaman Sarawak.

Sekian, terima kasih.